

AmBank SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite Credit Card-i TERMS AND CONDITIONS

This Amended Terms and Conditions will supersede the existing AmBank SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite Credit Card-i Terms and Conditions with effect from 22 November 2025.

The updated Terms and Conditions, including newly added items, are highlighted in blue font.

The following Terms and Conditions (“these Terms and Conditions”) are to be read together with the terms and conditions of the AmBank Islamic Cardholder Agreement (the “Agreement”) and Specific Terms and Conditions for AmBank SIGNATURE Priority Banking, and shall be applicable to Cardholders who opted for AmBank SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite Credit Card-i. If you do not understand any of the terms and conditions, kindly seek clarification from the Bank’s authorised representative. In the event of any discrepancy or inconsistency between the terms and conditions and those contained in the Agreement, these terms and conditions herein shall prevail in so far as they are applicable to AmBank SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite Credit Card-i.

1. All the expression herein shall have the designated meanings, unless the context otherwise requires: -

AmSPB	Means AmBank SIGNATURE Priority Banking Segment
AmSPB membership	Means the AmSPB Membership given to Cardholders with the criteria as stated in the Specific Terms and Conditions for AmBank SIGNATURE Priority Banking at ambank.com.my/amspbtcnc *The Customers who do not meet the Membership criteria determined at point of his/her/its application for Membership may be considered by the Bank and the Membership criteria may be revised from time to time at the Bank’s discretion and assessment.
AUM	Means individual Primary Assets Under Management as per the criteria stated in the Specific Terms and Conditions for AmBank SIGNATURE Priority Banking at ambank.com.my/amspbtcnc
Bank	Means (i) AmBank (M) Berhad; or (ii) AmBank Islamic Berhad, whenever is applicable.
AmSPB VI CC-i	Means AmBank SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite Credit Card issued by AmBank Islamic Berhad and designated as Visa Infinite Card with Visa branding to Cardholder (and shall include any Supplementary Card); whichever is applicable.
AmSPB VI CC-i Cardholder	Means the Cardholder who has applied and is issued with a AmSPB VI Cardbearing his/her name, whom is the lawful and authorised user of the AmSPB VI CC-i and includes both Principal and Supplementary Cardholders, unless otherwise stated.
Supplementary Cardholder	Means Supplementary Cardholder who has applied and is issued a Supplementary AmSPB Visa Infinite Credit Card-i by the Bank at the request of the Principal AmSPB VI CC-i Cardholder.
Cash Back	Means the rebate that is earned by the Cardholder in respect of eligible Transactions charged to the AmSPB VI CC-i.

Eligible Transactions	Applicable to any local and overseas retail spending only. For the avoidance of the doubt, the following transactions are excluded from Eligible Transactions computation: 1) Profit, Cash Advance fees, government service tax or any other fees and/or charges imposed by the Bank; 2) Balance Transfers, AmFlexi-Plus, Quick Cash, cash advances, cash withdrawals, cash deposits and/or Quasi cash transactions (Example: betting and/or gaming transactions); 3) Outstanding balances brought forward from the previous month; 4) Any purchase at petrol stations including purchases of petrol, diesel and any other purchases made at the petrol kiosk/stations; 5) Any payment for charity under the designated Merchant Category Code (MCC) 8398; 6) Any government-related payments under the designated MCC:- 9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405; 7) Any transactions including direct debit from JomPay, FPX, Duitnow QR and/or any related payments without MCC code or MCCC 0000; 8) Any instalment payment plan transactions; 9) E-wallet transactions under the designated MCC 6540; 10) Reversals, illegal transactions, fraudulent retail transactions and disputed transactions by the Cardholder. recurring transactions or standing instructions regardless of brand, for personal consumption of a natural person, and it cannot be used for business and commercial purchases
Programme Merchant Category Code or "MCC"	Means the assignment for each merchant and transaction record is subject to classification by the respective acquiring banks (the bank which maintains the merchant's bank account and processes payments on behalf of the merchants) and it is the responsibility of the particular acquiring bank to assign the MCC and transaction record to the relevant transaction. Bank shall not be held responsible for any assignment for the MCC and transaction record that may result in non-posting of the Cash Back due to the assignment of the MCC and transaction record by the respective merchant's acquiring bank.
Maximum Cash Back	Means the maximum amount of Cash Back.
RM	Means Ringgit Malaysia, the legal currency of Malaysia.

2. For AmSPB VI CC-i issued by AmBank Islamic Berhad, all words and expression defined in the AmBank Islamic Berhad Cardholder Agreement when used in this agreement shall have the same meaning, unless otherwise distinguished. Except as otherwise amended and supplemented herein, all the terms and conditions on AmBank Islamic Berhad Cardholder Agreement and these Terms and Conditions shall form and be read as a single, integrated document. In the event of any conflict or discrepancy between the terms and conditions of the AmBank Islamic Berhad Cardholder Agreement and the terms set out herein, the terms set out herein shall prevail.

3. Bank reserves the right to determine the Cash Back accorded to each AmSPB VI CC-i for Cash Back.
4. The AmSPB VI CC-i can be used at any retail spending in Malaysia and overseas, regardless of brand, for personal consumption of a natural person, and it cannot be used for business and commercial purchases.
5. Bank reserves the right to deem the retail spending charged to the AmSPB VI CC-i have been made for business and commercial purchases and not awarding the Cash Back. The tracking of the retail spending is based on the date the transaction is being posted on Cardholder's statement (Malaysia Time) and the Bank is not responsible in any manner whatsoever for any late posting to the Cardholder(s)'s Credit Card-i account by the merchants and/or any third party. Any late posting will result in the Cash Back being calculated in the next statement cycle.
6. Cash Back earned by AmSPB VI CC-i Cardholder shall vary depending on the Primary AUM holding of the Cardholder. Subject to such variations as may be made by the Bank, the rates for the Cash Back to be earned by the AmSPB VI CC-i Cardholder are as follows:

AUM¹ with Bank as of the end of the month	Cash Back on the first RM5,000.00 local retail spend	Cash Back on subsequent local retail spend² above RM5,000.00	Cash Back on overseas retail spend
TOTAL AUM BELOW RM200,000.00	0.25%	0.25%	0.25%
TOTAL AUM FROM RM200,000.00 TO RM999,999.99	0.25%	1.00%	1.00%
TOTAL AUM FROM RM1,000,000.00 TO RM1,499,999.99	0.25%	2.00%	2.00%
TOTAL AUM RM1,500,000.00 AND ABOVE	0.25%	5.00%	5.00%

¹Each Principal and Supplementary Cardholders must meet the AUM stipulated above to qualify for the Cash Back.

²Local retail spend from RM5,000.01 and above will be entitled to 0.25% Cash Back to 5% Cash Back.

7. The AmSPB VI CC-i Cardholder will be entitled to participate in the above rates if the AmSPB VI CC-i Cardholder has the AUM with the Bank as of the end of the month.

8. The Maximum Cash Back that may be earned per Card on a monthly basis shall be determined by the Bank as follows:

AUM¹ with Bank as of the end of the month	Maximum Cash Back for both local and overseas retail spending of the month
TOTAL AUM BELOW RM200,000.00	RM500.00
TOTAL AUM FROM RM200,000.00 TO RM999,999.99	
TOTAL AUM FROM RM1,000,000.00 TO RM1,499,999.99	
TOTAL AUM RM1,500,000.00 AND ABOVE	

9. The Cash Back shall be automatically credited to the Cardholder's Card Account subject to the following conditions:

- a. the AmSPB VI CC-i Card Account is not delinquent or the AmSPB VI CC-i Cardholder has not defaulted on payments of the amount owing under the AmSPB VI CC-i Card Account and other Cards with the Bank.
- b. the Cash Back was not accumulated due to fraudulent activities as shall be determined by the Bank.
- c. the Cash Back was accumulated for personal consumption purchases and not accumulated due to business and commercial purchases.
- d. such other circumstances as the Bank may determine from time to time. The Bank's records shall be conclusive evidence of the amount of Cash Back in AmSPB VI CC-i Card Account.

10. Cash Back will be awarded only in the following circumstances:

- a. Eligible spending charged to AmSPB VI CC-i Card;
- b. the AmSPB VI CC-i Card with valid and good credit standing;
- c. no default in payment of the amount outstanding in the AmSPB VI CC-i Card Account;
- d. the AmSPB VI CC-i Card Account outstanding balance did not exceed the Card Limit;
- e. the AmSPB VI CC-i is not suspended, cancelled or terminated by the Bank.

11. Cash Back in the AmSPB VI CC-i Card Account shall immediately cease to be valid upon the occurrence of any of the following:

- a. the cancellation of the AmSPB VI CC-i Card;
- b. the cancellation of the AmSPB membership;
- c. the conversion of the AmSPB VI CC-i Card to any other Credit Card/Credit Card-i issued by the Bank;
- d. the AmSPB VI CC-i Card Account becomes delinquent. No refund, extension or compensation will be given by the Bank.

12. The Cash Back is not transferable and not exchangeable for voucher or Stored Value Credit/Card Limit or points.

13. Subject to terms and conditions mentioned herein, both the Principal and Supplementary AmSPB VI CC-i Cardholders are entitled to enjoy the Cash Back as stated above during the tenure of the AmSPB VI CC-i Card and qualified AmSPB or AmSPP membership.
14. The Bank shall have the right at its discretion to modify or amend the benefits stated above, including the mechanism for the calculation and award of Cash Back, and such modifications and amendments shall be effective on such date or dates as shall be determined by the Bank and the Bank shall give prior notice of twenty-one (21) calendar days before such modifications and amendments take effect. If the AmSPB VI CC-i Cardholder is not agreeable to the modification and amendments, the AmSPB VI CC-i Cardholder shall notify the Bank in writing of the same within twenty-one (21) calendar days from the date of notice by the Bank and the AmSPB VI CC-i Cardholder shall cancel the AmSPB VI CC-i Card and pay in full all outstanding amounts due and owing under the AmSPB VI CC-i Card. In the event the AmSPB VI CC-i Cardholder continues to maintain the AmSPB VI CC-i Card twenty-one (21) calendar days after the notice of such modifications and amendments by the Bank, the AmSPB VI CC-i Cardholder shall be deemed to have accepted such modifications and amendments.
15. Cash Back earned by Principal and Supplementary AmSPB VI CC-i Cardholders will be credited to the respective Card Account within twelve (12) weeks after the month end AUM standing validation and the amount is based on the month retail spending and not on billing cycle. The total Cash Back for each account will be indicated on the monthly statement.
16. The AmSPB VI CC-i Cardholder hereby acknowledges that there is a lapse of time between a transaction made using AmSPB VI CC-i Card and the crediting of Cash Back into his/her AmSPB VI CC-i Card Account.
17. The Bank reserves the right to refuse to reward the Cash Back if the Bank believes or suspects that any transaction is illegal, fraudulent, dishonest, refunded, disputed or unauthorised. The Bank may clawback any credited Cash Back rewarded from the Cardholder's Credit Card-i account if the Bank suspects or becomes aware that any of the transaction is illegal, fraudulent, dishonest, refunded, disputed and/or unauthorised.
18. Cardholders are required to check the Bank's corporate website at ambank.com.my for the most recent updates of terms and conditions from time to time.

Kad Kredit-i Visa Infinite Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank

TERMA DAN SYARAT

Terma dan Syarat yang Dipinda ini akan menggantikan Terma dan Syarat Kad Kredit-i Visa Infinite Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank yang sedia ada berkuat kuasa mulai 22 November 2025.

Terma dan Syarat yang telah dikemas kini, termasuk penambahan baharu, diserlahkan dalam tulisan berwarna biru.

Terma dan Syarat berikut hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat dalam Perjanjian Pemegang Kad AmBank Islamic (selepas ini dirujuk sebagai "Perjanjian") dan *Terma dan Syarat Spesifik Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank* adalah terpakai kepada Pemegang Kad yang memilih Kad Kredit-i Visa Infinite Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank. Sekiranya anda tidak memahami mana-mana terma dan syarat ini, sila dapatkan penjelasan daripada wakil yang diberi kuasa oleh Bank. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat ini dengan yang terkandung dalam Perjanjian, maka terma dan syarat ini akan mengatasi setakat mana yang terpakai kepada Kad Kredit-i Visa Infinite Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank.

1. Semua istilah yang digunakan disini hendaklah membawa maksud seperti yang ditetapkan, melainkan jika konteksnya memerlukan tafsiran yang berbeza.

AmSPB	Bermaksud Segmen Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank
Keahlian AmSPB	Bermaksud Keahlian AmSPB yang diberikan kepada Pemegang Kad berdasarkan <i>kriteria seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Spesifik Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank di ambank.com.my/amspbtcnc</i> <i>*Pelanggan yang tidak memenuhi kriteria Keahlian semasa permohonan boleh dipertimbangkan oleh Bank, dan kriteria Keahlian akan disemak dari semasa ke semasa mengikut budi bicara dan penilaian Bank.</i>
ABP	Bermaksud individu prinsipal Aset Di Bawah Pengurusan <i>seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Spesifik Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank di ambank.com.my/amspbtcnc;</i>
Bank	Bermaksud (i) AmBank (M) Berhad; atau (ii) AmBank Islamic Berhad, mengikut mana yang berkenaan.
Kad Kredit-i VI AmSPB	Bermaksud Kad Kredit-i Visa Infinite Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank yang dikeluarkan oleh AmBank Islamic Berhad dan ditetapkan sebagai Kad Visa Infinite dengan penjenamaan Visa kepada Pemegang Kad (termasuk mana-mana Kad Tambahan); mengikut mana yang berkenaan.

<i>Pemegang Kad Kredit-i VI AmSPB</i>	<i>Bermaksud Pemegang Kad yang telah memohon dan diberikan Kad Kredit-i VI AmSPB i yang tertera namanya, yang merupakan pengguna sah dan diberi kuasa bagi Kad Kredit-i VI AmSPB dan termasuk Pemegang Kad Utama dan Tambahan, kecuali dinyatakan sebaliknya.</i>
<i>Pemegang Kad Tambahan</i>	<i>Bermaksud Pemegang Kad Tambahan yang telah memohon dan diberikan Kad Kredit-i Visa Infinite AmSPB Tambahan oleh Bank atas permintaan Pemegang Kad Utama Kad Kredit-i VI AmSPB.</i>
<i>Pulangan Tunai (Cash Back)</i>	<i>Bermaksud rebat yang diperoleh oleh Pemegang Kad bagi Transaksi Layak yang dicaj kepada Kad Kredit-i VI AmSPB.</i>

Transaksi Layak *Terpakai kepada semua perbelanjaan runcit tempatan dan luar negara sahaja.*

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, transaksi berikut adalah dikecualikan daripada pengiraan Transaksi Layak:

- 1. Keuntungan, yuran Pendahuluan Tunai, cukai perkhidmatan kerajaan atau sebarang yuran dan/atau caj lain yang dikenakan oleh Bank;*
- 2. Pemindahan Baki, AmFlexi-Plus, Quick Cash, pendahuluan tunai, pengeluaran tunai, deposit tunai dan/atau transaksi kuasi tunai (Contoh: pertaruhan dan/atau permainan);*
- 3. Baki tertunggak yang dibawa dari bulan sebelumnya;*
- 4. Sebarang pembelian di stesen minyak termasuk pembelian petrol, diesel dan lain-lain pembelian di kiosk/stesen minyak;*
- 5. Sebarang bayaran untuk amal di bawah Kod Kategori Peniaga (MCC) 8398;*
- 6. Sebarang bayaran berkaitan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan: 9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405;*
- 7. Sebarang transaksi termasuk debit terus daripada JomPay, FPX, DuitNow QR dan/atau bayaran berkaitan tanpa kod MCC atau MCC 0000;*
- 8. Sebarang transaksi pelan bayaran ansuran;*
- 9. Transaksi e-Wallet di bawah MCC yang ditetapkan 6540;*
- 10. Pembalikan, transaksi haram, transaksi runcit penipuan dan transaksi yang dipertikaikan oleh Pemegang Kad.*

Transaksi berulang atau arahan tetap tanpa mengira jenama, adalah untuk kegunaan peribadi individu semula jadi dan tidak boleh digunakan untuk pembelian perniagaan dan komersial.

<i>Kod Kategori Peniaga Program atau "MCC"</i>	<i>Bermaksud pengelasan bagi setiap peniaga dan rekod transaksi adalah tertakluk kepada klasifikasi oleh bank pemeroleh masing-masing (bank yang menyelenggara akaun bank peniaga dan memproses pembayaran bagi pihak peniaga) dan adalah tanggungjawab bank pemeroleh tersebut untuk menetapkan MCC dan rekod transaksi kepada transaksi yang berkaitan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang penetapan MCC dan rekod transaksi yang boleh menyebabkan kegagalan pengeposan Pulangan Tunai akibat penetapan MCC dan rekod transaksi oleh bank pemeroleh peniaga berkenaan.</i>
--	---

Pulangan Tunai Bermaksud jumlah maksimum *Pulangan Tunai*.
Maksimum

RM Bermaksud Ringgit Malaysia, mata wang sah Malaysia.

2. Bagi Kad Kredit-i VI AmSPB yang dikeluarkan oleh AmBank Islamic Berhad, semua perkataan dan istilah yang ditakrifkan dalam Perjanjian Pemegang Kad AmBank Islamic Berhad apabila digunakan dalam perjanjian ini hendaklah membawa maksud yang sama, kecuali dinyatakan sebaliknya. Melainkan jika dipinda dan ditambah sebagaimana yang dinyatakan di sini, semua terma dan syarat dalam Perjanjian Pemegang Kad AmBank Islamic Berhad dan perjanjian ini hendaklah membentuk dan dibaca sebagai satu dokumen bersepadu. Sekiranya terdapat sebarang konflik atau percanggahan antara terma dan syarat dalam Perjanjian Pemegang Kad AmBank Islamic Berhad dan terma yang dinyatakan di sini, maka terma yang dinyatakan di sini akan mengatasi.
3. Bank berhak untuk menentukan jumlah *Pulangan Tunai* yang diberikan kepada setiap Kad Kredit-i VI AmSPB.
4. Kad Kredit-i VI AmSPB boleh digunakan untuk sebarang perbelanjaan runcit di Malaysia dan luar negara, tanpa mengira jenama, bagi kegunaan peribadi individu semula jadi, dan tidak boleh digunakan untuk pembelian perniagaan dan komersial.
5. Bank berhak untuk menganggap bahawa perbelanjaan runcit yang dicaj kepada Kad Kredit-i VI AmSPB adalah bagi pembelian perniagaan dan komersial dan tidak memberikan *Pulangan Tunai*. Penjejakan perbelanjaan runcit adalah berdasarkan tarikh transaksi diposkan dalam penyata Pemegang Kad (Waktu Malaysia) dan Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara sekalipun terhadap kelewatan pengeposan ke akaun Kad Kredit-i Pemegang Kad oleh peniaga dan/atau mana-mana pihak ketiga. Sebarang pengeposan lewat akan menyebabkan *Pulangan Tunai* dikira dalam kitaran penyata berikutnya.
6. *Pulangan Tunai* yang diperoleh oleh Pemegang Kad Kredit-i VI AmSPB akan berbeza bergantung kepada jumlah ABP Utama yang dipegang oleh Pemegang Kad. Tertakluk kepada sebarang perubahan yang mungkin dibuat oleh Bank, kadar *Pulangan Tunai* yang akan diperoleh oleh Pemegang Kad Kredit-i VI AmSPB adalah seperti berikut:

Kadar <i>Pulangan Tunai</i> Berdasarkan ABP¹ Pemegang Kad pada akhir bulan	<i>Pulangan Tunai</i> bagi RM5,000.00 pertama Perbelanjaan Runcit Tempatan	<i>Pulangan Tunai</i> bagi Perbelanjaan Runcit Tempatan² Melebihi RM5,000.00	<i>Pulangan Tunai</i> bagi Perbelanjaan Runcit Luar Negara
JUMLAH ABP BAWAH RM200,000.00	0.25%	0.25%	0.25%
JUMLAH ABP DARI RM200,000.00 HINGGA RM999,999.99	0.25%	1.00%	1.00%
JUMLAH ABP DARI RM1,000,000.00 HINGGA RM1,499,999.99	0.25%	2.00%	2.00%
JUMLAH ABP RM1,500,000.00 DAN KE ATAS	0.25%	5.00%	5.00%

¹ Setiap Pemegang Kad Utama dan Tambahan mesti memenuhi jumlah ABP yang dinyatakan di atas untuk melayakkan diri menerima Pulangan Tunai.

² Perbelanjaan runcit tempatan sebanyak RM5,000.01 dan ke atas akan layak menerima Pulangan Tunai antara 0.25% hingga 5%.

7. Pemegang Kad Kredit-i VI AmSPB akan layak untuk menikmati kadar Pulangan Tunai seperti yang dinyatakan di atas sekiranya Pemegang Kad tersebut mempunyai ABP dengan Bank pada akhir bulan.

8. Jumlah maksimum Pulangan Tunai yang boleh diperoleh bagi setiap Kad dalam satu bulan akan ditentukan oleh Bank seperti berikut:

ABP¹ Dengan Bank Kad pada akhir bulan	Pulangan Tunai Maksimum bagi Perbelanjaan Runcit Tempatan dan Luar Negara dalam Sebulan
JUMLAH ABP BAWAH RM200,000.00	RM500.00
JUMLAH ABP DARI RM200,000.00 HINGGA RM999,999.99	
JUMLAH ABP DARI RM1,000,000.00 HINGGA RM1,499,999.99	
JUMLAH ABP RM1,500,000.00 DAN KE ATAS	

9. Pulangan Tunai akan dikreditkan secara automatik ke Akaun Kad Pemegang Kad tertakluk kepada syarat berikut:

- Akaun Kad Kredit-i VI AmSPB tidak tertunggak atau Pemegang Kad Kredit-i VI AmSPB tidak gagal membuat bayaran bagi jumlah yang terhutang di bawah Akaun Kad Kredit-i VI AmSPB dan Kad lain dengan Bank.
- Pulangan Tunai tidak diperoleh hasil daripada aktiviti penipuan seperti yang akan ditentukan oleh Bank.
- Pulangan Tunai diperoleh hasil daripada pembelian untuk kegunaan peribadi dan bukan daripada pembelian perniagaan atau komersial.
- Keadaan-keadaan lain seperti yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Rekod Bank akan menjadi bukti muktamad bagi jumlah Pulangan Tunai dalam Akaun Kad Kredit-i VI AmSPB .

10. Pulangan Tunai hanya akan diberikan dalam keadaan berikut:

- Perbelanjaan layak yang dicaj kepada Kad Kredit-i VI AmSPB;
- Kad Kredit-i VI AmSPB mempunyai status kredit yang sah dan baik;
- Tiada tunggakan bayaran bagi jumlah yang terhutang dalam Akaun Kad Kredit-i VI AmSPB;
- Baki tertunggak dalam Akaun Kad Kredit-i VI AmSPB tidak melebihi Had Kad;
- Kad Kredit-i VI AmSPB tidak digantung, dibatalkan atau ditamatkan oleh Bank.

11. Pulangan Tunai dalam Akaun Kad Kredit-i VI AmSPB akan serta-merta menjadi tidak sah sekiranya berlaku mana-mana perkara berikut:

- Pembatalan Kad Kredit-i VI AmSPB;
- Pembatalan keahlian AmSPB;
- Penukaran Kad Kredit-i VI AmSPB kepada mana-mana Kad Kredit/Kad Kredit-i lain yang dikeluarkan oleh Bank;
- Akaun Kad Kredit-i VI AmSPB menjadi tertunggak. Tiada bayaran balik, lanjutan atau pampasan akan diberikan oleh Bank

12. *Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar kepada baucar, Kredit Nilai Tersimpan/Had Kad atau mata ganjaran.*
13. *Tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini, kedua-dua Pemegang Kad Utama dan Tambahan Kad Kredit-i VI AmSPB berhak menikmati Pulangan Tunai seperti yang dinyatakan sepanjang tempoh Kad Kredit-i VI AmSPB dan Keahlian AmSPB yang layak.*
14. *Bank berhak, mengikut budi bicara, untuk mengubah atau meminda manfaat yang dinyatakan di atas, termasuk mekanisme pengiraan dan pemberian Pulangan Tunai. Pindaan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank dan Bank akan memberikan notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa. Sekiranya Pemegang Kad Kredit-i VI AmSPB tidak bersetuju dengan pindaan tersebut, Pemegang Kad hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Bank dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis oleh Bank dan hendaklah membatalkan Kad Kredit-i VI serta menjelaskan sepenuhnya semua jumlah tertunggak yang perlu dibayar di bawah Kad Kredit-i VI. Sekiranya Pemegang Kad Kredit-i VI AmSPB terus mengekalkan Kad tersebut selepas dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh notis pindaan oleh Bank, Pemegang Kad dianggap telah menerima pindaan tersebut.*
15. *Pulangan Tunai yang diperoleh oleh Pemegang Kad Utama dan Tambahan Kad Kredit-i VI AmSPB akan dikreditkan ke Akaun Kad masing-masing dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas pengesahan ABP pada akhir bulan. Jumlah Pulangan Tunai adalah berdasarkan perbelanjaan runcit bulanan dan bukan kitaran bil. Jumlah Pulangan Tunai untuk setiap Akaun Kad akan ditunjukkan dalam penyata bulanan.*
16. *Pemegang Kad Kredit-i VI AmSPB dengan ini mengakui bahawa terdapat tempoh masa antara transaksi yang dibuat menggunakan Kad Kredit-i VI AmSPB dan pengkreditan Pulangan Tunai ke dalam Akaun Kad Kredit-i VI AmSPB.*
17. *Bank berhak untuk menolak pemberian Pulangan Tunai sekiranya Bank percaya atau mengesyaki bahawa mana-mana transaksi adalah haram, penipuan, tidak jujur, dipulangkan, dipertikaikan atau tidak dibenarkan. Bank boleh menarik balik ganjaran pulangan tunai yang sudah dikreditkan daripada Akaun Kad Kredit-i Pemegang Kad sekiranya Bank mengesyaki atau sedar bahawa mana-mana transaksi yang menyalahi undang-undang, penipuan, tidak jujur, dipulangkan, dipertikaikan dan/ atau tidak dibenarkan.*
18. *Pemegang Kad dikehendaki menyemak laman web korporat Bank di ambank.com.my untuk mendapatkan kemas kini terkini mengenai terma dan syarat dari semasa ke semasa.*